

PERANAN INSTITUSI MASJID KE ARAH MESRA KANAK-KANAK: MASJID AL-HASANAH

Safinah Ismail
Nor Hasdillah Mohd Hasim
Muhammad Aiman Syakir Bin Aziz
Muhammad Ezazi Hazwan Bin Edi
Mohamad Haziq Bin Abd.Malik

Abstrak

Masjid merupakan salah satu persekitaran luar yang dapat merangsang pertumbuhan positif anak-anak . Oleh itu, masjid perlu menjadi mesra kanak-kanak dari pelbagai sudut. Justeru kajian ini membincangkan kepentingan masjid ke arah mesra kanak-kanak. Kajian ini memfokuskan kepada Masjid Al-Hasanah. Metodologi kajian diambil daripada data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama. Rekabentuk kajian kualitatif ini adalah fenomenologi dengan menggunakan kaedah temubual berstruktur sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi diklasifikasikan mengikut bahagian yang telah ditentukan dan dianalisis berdasarkan tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Masjid Al-Hasanah merupakan Masjid yang terkenal di Bandar Baru Bangi. Ia dibina pada 1 Januari 1997 dan mampu menempatkan seramai 5,000 jemaah. Antara inisiatif Masjid Al-Hasanah ke arah mesra kanak-kanak adalah penyediaan ruang nurseri dan aktiviti di bulan Ramadhan. Penyediaan ruang dan penganjuran aktiviti yang menarik selari dengan rentak dan naluri kanak-kanak mampu mewujudkan faktor penarik untuk kanak-kanak. Anak-anak akan terdorong bila galakan kanak-kanak solat bersebelahan ibubapa di saf hadapan bersama jemaah-jemaah yang lain yang dibudayakan. Menyediakan garis panduan kaedah menegur dalam berdakwah pada kanak-kanak, menjadikan masjid pusat pendidikan yang *Syumul* atau menyeluruh bagi generasi muslim muda. Masjid menjadi salah satu persekitaran yang dapat membantu membentuk peribadi anak-anak dari segi rohani, intelektual dan jasmani. Justeru diharap agar lebih banyak masjid di Malaysia mesra kanak-kanak.

Pengenalan

Dalam artikel ini, pengkaji membincangkan berkaitan isu masjid dan kanak-kanak serta peri pentingnya masjid ke arah mesra kanak-kanak. Seterusnya pengkaji memfokuskan kepada peranan Masjid Al-Hasanah dan peranannya sebagai salah satu institusi masjid yang mesra kanak.

Isu Masjid dan kanak-kanak

Fungsi sebenar masjid bukan sahaja untuk mendirikan solat semata-mata. Ada segelintir pengurusan masjid yang amat menjaga penampilan dan imej tempat ibadat umat Islam ini, sehingga mewujudkan pelbagai undang-undang manusia yang ada kalanya tidak dapat diterima oleh akal. Antaranya, kanak-kanak perlu solat di ruang saf yang paling jauh dengan orang dewasa, tidak dibenarkan bermain dan banyak lagi. Hal tersebut membuat para jemaah enggan untuk membawa anak-anak mereka ke masjid, risau akan mengganggu para jemaah lain.

Pada masa kini, 'mesra kanak-kanak' adalah salah satu fokus utama dalam pertimbangan jemaah yang mempunyai anak-anak kecil. Pihak pengurusan masjid semestinya mementingkan keselesaan umum ketika beribadah. Bunyi bising anak bermain, teriakan dan tangisan anak-anak kecil tentunya mengganggu jemaah. Bagi menunaikan tanggungjawab mereka disamping meraikan anak-anak kecil, pihak masjid seharusnya mewujudkan inisiatif ke arah mesra kanak-kanak.

Kebiasaannya, saf khusus untuk kanak-kanak disediakan di belakang dewan solat masjid. Bagi masjid yang mempunyai kawasan lapang di luar, ada yang membina 'mini playground' supaya anak-anak bermain di luar masjid tanpa mengganggu para jemaah menunaikan solat. Ciri-ciri mesra kanak-kanak ini sebenarnya banyak melegakan para ibu bapa yang membawa anak ke masjid.

"Sebelum ini pernah wujud suasana yang tidak manis apabila ada sekumpulan kanak-kanak bermain dan membuat bising, bangkit seorang jemaah lalu memarahi mereka dengan perkataan kasar dan suara tinggi sehingga satu masjid mendengarnya. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak berasa malu dan benci untuk ke masjid, apatah lagi sedihnya perasaan si ayah atau si ibu kepada kanak-kanak yang dimarah itu." (Hudin, Portal Islam dan Melayu, 2015)

Justeru itu, kanak-kanak perlu disantuni dengan cara 'menang-menang' atau dapat melembutkan hati mereka. Kita tidak mahu mereka membenci masjid disebabkan takut kepada sikap sesetengah jemaah yang garang. Teguran haruslah dengan tenang dan bermotivasikan fikiran kanak-kanak.

Antara insiden di masjid sama ada sedar atau tidak ialah kehadiran jemaah bersama anak kecil yang ada kala mengundang rasa kurang senang dalam kalangan jemaah khususnya apabila tidak dapat memberi tumpuan kepada ibadah hingga hilang khusyuk. Pernah berlaku, seorang jemaah lelaki membawa anak perempuan berumur lima tahun bersama berdiri di sebelahnya dalam saf hadapan jemaah lelaki. Ada pula bapa yang membawa anak kecil dan mengambil kedudukan di hujung saf. Malangnya, tiba-tiba anak melepas qada hajat menyebabkan bau kurang menyenangkan kepada jemaah lain. Bagaimanapun, bapa tadi tidak melakukan tindakan sepatutnya. Itu belum dikira kanak-kanak yang dibawa ke masjid dan ditempatkan di saf paling belakang. Maka sesama mereka

terhasil keriuhan yang pastinya mengganggu tumpuan jemaah dewasa. Ini sekadar sebahagian suasana yang biasa berlaku di masjid membabitkan jemaah kanak-kanak.

Pihak Masjid perlu kreatif. Justeru itu, bagi memastikan semua ahli jemaah tidak terganggu ketika menunaikan ibadah, pihak pengurusan masjid perlu mengambil langkah kreatif antaranya, menyediakan bilik nurseri yang dibuka setiap waktu solat dan diuruskan oleh sukarelawan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak. Mendirikan dua ruang solat berbeza, tingkat atas untuk dewasa, manakala bawah untuk ibu bapa bersama-sama kanak-kanak. Penguatkuasaan peraturan hanya pada kanak-kanak berumur tujuh tahun atau yang mumayyiz saja boleh berada di ruang solat dewasa.

Kepentingan Masjid Ke arah Mesra Kanak-Kanak

Masjid merupakan salah satu persekitaran luar yang dapat merangsang pertumbuhan positif anak-anak sebagaimana pentingnya sekolah, orang luar dan media. Oleh itu, masjid perlu menjadi mesra kanak-kanak dari pelbagai sudut. Pemahaman terhadap peringkat-peringkat perkembangan anak-anak dapat membantu ibubapa dan orang dewasa untuk membantu merangsang pertumbuhan anak-anak menjadi orang dewasa yang sihat dari segi rohani, akal dan jasmani. Terdapat beberapa peringkat perkembangan manusia dan setiap peringkat perkembangan memerlukan penerapan yang berbeza mengikut pertumbuhan.

Umur kanak-kanak 6 ke 12 tahun adalah masa yang baik untuk pengenalan kepada hukum-hukum agama, adab-adab dalam Islam dan praktikal ibadah seperti wuduk dan solat. Pada fasa ini mereka sudah mula memahami (tamyiz) dan dapat memproses informasi. Kanak-kanak seperti ini perlu diberikan penekanan melalui aktiviti dan program seperti Bengkel Solat, Tajwid dan sebagainya. (Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari, Raja Nafida Raja, 2017)

Memandangkan kanak-kanak pada umur ini masih belum memberi tumpuan yang panjang, aktiviti perlulah menarik dan dipelbagaikan. Melakukan aktiviti di masjid untuk kanak-kanak dapat memberi ruang kepada mereka untuk menambah ilmu, malah mereka bersosial secara terkawal selain dapat mengimarahkan masjid.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014).

Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Rekabentuk kajian kualitatif ini adalah

fenomenologi. Fenomenologi merupakan pengalaman sebenar yang dilalui oleh seseorang. Ia berorientasikan idea manusia berkaitan dunia yang di sekelilingnya (Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, 2016).

Instrumen Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual berstruktur sebagai instrumen kajian. Kajian ini memerlukan pengkaji menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang ditetapkan (Othman Lebar, 2015). Kaedah temu bual bertujuan untuk memberi rangsangan kepada informan kajian supaya maklumat yang dikumpulkan daripada mereka dapat dibezakan dengan tepat. Soalan-soalan temu bual dibina mesti selaras dengan objektif kajian (Chua Yan Piaw, 2014).

Sampel Kajian

Persampelan adalah suatu proses pemilihan yang sistematik terhadap sampel-sampel yang terlibat dalam penyelidikan agar penyelidikan itu lebih mudah diurus dan lebih berkesan. Kaedah persampelan terbahagi kepada dua bahagian iaitu persampelan non probability dan persampelan probability (Ahmad Munawar Ismail, 2016). Persampelan *non probability* dipilih dalam kajian ini bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji dengan cara memilih kelompok manusia secara teliti dan bertujuan (Othman Lebar, 2015) iaitu Imam Masjid Al-Hasanah iaitu Ustaz Idris Yusof. Sebelum memilih peserta kajian, pengkaji akan memastikan peserta kajian yang dipilih dapat memberi maklumat yang penting sebagai dapatan kajian ini.

Kaedah Analisis Data

Analisis data melibatkan cantuman pelbagai data, pengkelasan data mengikut kategori, atau tema yang sesuai dan tepat tentang apa sampel kata dan apa yang pengkaji lihat dan baca (Othman Lebar, 2015). Kesemua rekod hasil temu bual telah ditranskripikan ke dalam komputer. Proses analisis maklumat dari temu bual dibuat dengan berhati-hati dan maklumat dianalisis secara analisis kandungan (Weber, 1990). Data yang diperolehi diklasifikasi mengikut bahagian yang telah ditentukan dan dianalisis berdasarkan kepada soalan-soalan temu bual yang diajukan kepada peserta kajian. Data yang diperolehi telah dikenal pasti (Mariyam, 2011)

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi

Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi telah dibina pada 1 Januari 1997 dan dirasmikan pada tahun 2000 oleh Sultan Sharafudin Idris Shah. ((JAIS), 2010) Masjid ini mampu menempatkan seramai 5,000 orang jemaah pada satu masa. Masjid ini terletak di Seksyen 9 Bandar Baru Bangi, seksyen utama dan merupakan pusat bandar bagi Bandar Baru Bangi. Lokasi tapaknya adalah berada pada sebelah kiri jalan dari Pejabat Daerah Hulu Langat ke *traffic light* ke Jalan ke kirinya ke Jalan Tol Kajang. Masjid Al-Hasanah berada di atas tapak seluas 5 ekar bersebelahan dengannya ialah kompleks Mahkamah Syar'iyah, di belakangnya perumahan Seksyen 9 dan di sebelah kirinya deretan kedai yang di belakangnya perumahan sebagaimana di belakang Masjid Al-Hasanah. Tapak bangunan Masjid Al-Hasanah disediakan oleh PKNS, manakala kos pembinaannya adalah dari peruntukan kerajaan. (Al-Hasanah M. , 2019)

Peranan Masjid Al-Hasanah Kearah Masjid Mesra Kanak-Kanak

1.1 Menyediakan *Nursery* Pada Bulan Ramadhan

Seperti kebiasaan masjid-masjid seluruh Malaysia, Masjid Al-Hasanah juga menyediakan tempat atau bilik 'nursery' percuma untuk kanak-kanak yang hadir ke masjid sepanjang bulan ramadhan. Hal ini demikian untuk memudahkan para ibu bapa membawa anak-anak mereka dalam lingkungan umur bayi sampai 12 tahun untuk ke masjid dan mempunyai bilik khas untuk mereka. 'Nursery' itu juga terdapat dua tempat iaitu untuk kanak-kanak berusia bayi hingga 3 tahun dan satu lagi untuk berusia 4 tahun ke atas. Pihak masjid menyediakan pelbagai aktiviti seperti tayangan cerita teladan Islam dan permainan supaya kanak-kanak ini mempunyai tempat khas untuk bermain dan tidak mengganggu para jemaah menunaikan solat terawih. Masjid yang tidak mesra kanak-kanak akan menyebabkan antara faktor para ibu juga menjauhi masjid. Terdapat pelbagai cara untuk meraikan para ibu ke masjid. Pihak masjid juga menyediakan perkhidmatan penjagaan anak-anak apabila para ibubapa ingin menghadiri ceramah atau kelas. Imam Masjid Al-Hasanah juga memberitahu; "*Lepas itu, kadang-kadang kebiasaanya kalau yang mak-mak yang membawa anak ni, di sudut sebelah kiri itu ada sudut bacaan ataupun tempat untuk mereka beristirahat. Kalau bulan Ramadhan kita sediakan tempat khas untuk kanak-kanak, nursery percuma. Contoh untuk ibubapa yang ingin solat terawikh mereka akan letak anak-anak mereka sebelum isya' di dua bilik khas, satu yang umur yang kecil sedikit seperti baby dan satu lagi untuk 4 tahun ke*" (Yusuf, 2019)

1.2 Program, Aktiviti Dan Fasiliti Yang Sesuai Dengan Kanak-Kanak

Selain itu, Masjid Al-Hasanah juga menganjurkan aktiviti, program dan ruangan yang

menarik selari dengan rentak dan naluri kanak-kanak semasa untuk mewujudkan faktor penarik untuk kanak-kanak datang. (Yusof, 2019) Penerapan didikan atau tarbiyah yang sesuai membolehkan kanak-kanak membentuk jati diri sebagai seorang muslim yang mukmin yang mantap sejak daripada mereka kecil lagi. Pepatah juga mengatakan “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pihak Masjid Al-Hasanah turut mempelbagaikan pengisian masjid mengikut kepelbagaian Jemaah. Sudah tentu kanak-kanak dan remaja yang mempunyai tenaga yang banyak serta berkecenderungan kepada bermain dan bereksplorasi tidak dapat duduk diam dengan duduk dan mendengar ceramah. Pengurus professional masjid atau dengan kerjasama badan-badan luar membolehkan program-program yang lebih menarik untuk kanak-kanak dan remaja diadakan. Terdapat pelbagai modul yang dicadangkan bagi kemudahan pihak masjid menganjurkan program-program khas untuk kanak-kanak. Di masjid ini juga telah menyediakan tempat permainan untuk kanak-kanak seperti papan gelongsor, buaian, jongkang-jongket dan sebagainya. Terdapat juga aktiviti dan program seperti memanah, futsal, bola jaring, kem smart solat, kem belajar mengaji, kem belajar tajwid dan tamhid. Program-program seperti ini adalah baik untuk dilaksanakan kerana kanak-kanak suka bermain dan bersukan dalam masa yang sama mereka akan kerap ke masjid. Hal ini demikian dilaksanakan untuk menggalakkan kanak-kanak mengimarahkan masjid.

1.3 Menggalakkan Kanak-Kanak Berada Di Saf Hadapan Bersama Ibubapa Mereka.

Pihak masjid memberi galakan kepada kanak-kanak untuk sembahyang bersebelahan ibubapa mereka di saf hadapan bersama jemaah-jemaah yang lain. Hal ini demikian akan memupuk anak-anak kecil ini untuk mempelajari ilmu berkaitan solat secara perlahan-lahan. Ibubapa juga tidak akan risau tentang perilaku anak-anak mereka dibelakang dan boleh fokus beribadah dengan khusyuk. Imam masjid juga memberitahu, *“Sekarang kita bagi peluang, kita memberi galakan meletak anak-anak di sebelah ibubapa masing-masing. Jadi anak-anak ini duduk di sebelah ibubapa masih terkawal lagi lah. Sekarang ini tidak banyak kes kanak-kanak berlari sangat lah, tahap kesedaran pun dah semakin meningkat.”*. (Yusuf, 2019)

1.4 Menegur Kanak-Kanak Dengan Cara Yang Lemah Lembut

Pihak masjid juga mempunyai garis panduan untuk menegur dengan cara yang sopan tanpa mengguris hati mereka supaya mereka akan ke masjid lagi. Pihak masjid menggunakan pendekatan dengan memberi teguran melalui sentuhan iaitu dengan mengusap belakang badan mereka sambil memberi teguran dengan menggunakan perkataan yang baik-baik sahaja tanpa mengguris hati kanak-kanak itu. Pihak masjid juga melarang kakitangan masjid untuk menegur kanak-kanak yang berkelakuan nakal dengan menggunakan kekerasan seperti menampar, merotan, mendenda untuk mengelakkan kanak-kanak serik pergi ke masjid lagi. Sebaliknya menggunakan pendekatan berlandaskan

agama Islam sepertimana yang telah diajar oleh Rasulullah SAW. *“Pastinya jangan tegur dengan cara marah, kebiasaannya kita mendekati memberi teguran bersama sentuhan, bukan menampar kanak-kanak tersebut tetapi mengusap belakang perlahan-lahan sambil menegur dan kalau macam Ramadhan contohnya, biasanya kita akan adakan taklimat awal kepada ibubapa supaya menjaga anak-anak. Kerana anak-anak merupakan tanggungjawab ibubapa, kita sangat galakkan anak-anak datang ke masjid tapi sama-sama kena jagalah.”.* (Yusuf, 2019)

1.5 Pusat Pendidikan Kanak-Kanak

Masjid pada zaman Rasulullah, menjadi tempat yang penting dalam usaha menyempai dan menyebarkan Islam kepada umat manusia yang hidup sezaman dengan Baginda. Ini semua bermula di masjid sebagai wadah dalam perkembangan ilmu Islam. (Siti Zaharah Abd Hamid, Safinah Ismail, 2014). Dalam kebanyakan penulisan mengenai masjid sebagai sebuah institusi masjid mesra kanak-kanak, aspek yang sering disentuh apabila masjid dikaitkan dengan kanak-kanak adalah aspek pendidikan.

Masjid Al-Hasanah mampu menjadi pusat pendidikan contoh yang syumul dan menyeluruh bagi generasi muslim muda. Masjid menjadi salah satu persekitaran yang dapat membantu membentuk peribadi anak-anak dari segi rohani, intelektual dan jasmani. Oleh itu, pendidikan untuk kanak-kanak dan remaja perlu dijalankan secara sepenuh masa oleh institusi masjid bagi mencapai matlamat tersebut.

Namun, pembentuk jati diri kanak-kanak dan remaja melalui masjid tidak perlu menjadi terlalu kaku dengan pendidikan secara formal dan berpandukan modul semata-mata. Malah, pendidikan boleh diberikan secara bersahaja melalui pelbagai kaedah. Kita boleh lihat kaedah pendidikan anakanak yang disarankan oleh Abdullah Nasih Ulwan:

- Pendidikan Melalui Teladan
- Pendidikan melalui kebiasaan
- Pendidikan melalui nasihat
- Pendidikan melalui pemerhatian

Selain pendidikan berkaitan dengan keagamaan, anak muda juga perlu dibekalkan dengan ilmu dan isu semasa agar dapat menepis dan mengelakkan ancaman-ancaman yang boleh merosakkan akhlak dan aqidah mereka. Oleh itu, masjid perlu menjadi platform praktikal pertama dalam masyarakat untuk mendidik anak-anak muda sedari kecil lagi. (Jamalia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari, Raja Nafida Raja, 2017)

Saranan

Pengurusan Masjid boleh mewujudkan aktiviti khas kanak-kanak ketika solat berlangsung seperti mewarna, yang dapat menarik perhatian mereka.

Pihak pengurusan masjid tidak boleh menghalang ibu bapa daripada membawa anak ke masjid kerana ini proses pendidikan awal dan seમાian perasaan cintakan masjid.

Pihak masjid perlu mencari kaedah yang terbaik bagi memastikan kehadiran kanak-kanak tidak mendatangkan fitnah kepada masjid dan jemaah. Maka kita perlu berani mengorak langkah berubah dengan menjadikan masjid mesra kanak-kanak supaya semua jemaah selesai dalam beribadah. (Sabri, 2014)

KESIMPULAN

Pada fasa awal anak-anak disekitar umur bayi 0-2 tahun dan kanak-kanak 2 ke 6 tahun adalah fasa minda mereka mampu menyerap segala yang dilihat dan diterokainya dengan cepat seperti span menyerap air. Pendedahan awal kanak-kanak ke masjid dan pengalaman yang baik dapat membentuk hubungan mereka dengan masjid dengan lebih awal. Kita perlu faham bahawa kanak-kanak pada fasa ini belum mumayyiz dan bermain adalah suatu perkara yang amat penting dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Oleh itu masjid dan Jemaahnya perlu melayan kanak-kanak dengan mesra dan baik serta menunjukkan contoh tauladan yang baik dari segi perbuatan terutamanya

RUJUKAN

- (JAIS), J. A. (2010). *Profail Masjid Al-Hasanah*. Retrieved from Portal E-Masjid: <https://e-masjid.jais.gov.my/index.php/profail/show/id/227>
- Al-Hasanah, A. M. (2019). *Mesyuarat Agung Masjid Al-Hasanah Kali ke-10*. Bandar Baru Bangi.
- Al-Hasanah, M. (2019). *Facebook*. Retrieved from Masjid Al_Hasanah: <https://www.facebook.com/Masjid-al-Hasanah-109310685801923/>
- Hudin, U. M. (23 6, 2015). *Portal Islam dan Melayu*. Retrieved from Ismaweb.net: <https://www.ismaweb.net/2015/06/23/masjid-mesra-kanak-kanak-jadi-pilihan/>
- Hudin, U. M. (23 6, 2015). *Portal Islam dan Melayu*. (P. I. Melayu, Interviewer)
- Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari, Raja Nafida Raja. (2017). KE ARAH MEMBANGUNKAN MASJID MESRA REMAJA. *e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017)*, 65-78.
- Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari, Raja Nafida RajaShahminan. (2017). *KE ARAH MEMBANGUNKAN MASJID MESRA REMAJA*, 68.
- Kamarul Azmi Jasmi. (n.d.). *METODOLOGI PENGUMPULAN DATA DALAM PENYELIDIKAN KUALITATITIF*. pp. 1-14.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah. (2007). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pupu, Saeful Rahmat. (2009). *Penelitian Kualitatif. Jurnal Equilibrium*.
- Sabri, A. Z. (15 7, 2014). *Jadikan Masjid Mesra Kanak-Kanak*. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/318315941_Jadikan_masjid_mesra_kanak-kanak

- Siti Zaharah Abd Hamid , Safinah Ismail. (2014). MASJID SEBAGAI PUSAT PENDIDIKAN KANAK-KANAK: SATU TINJAUAN. 128-134.
- Ulwan, A. N. (2015). *Tarbiyatul Aulad Fil Islam: Mencorak Peribadi Awal Anak (Terjemahan) M. I. bin Abdullah*. PTS Publishing House sdn Bhd.
- Yusof, M. I. (11 Julai, 2019). peranan Masjid Al-Hasanah ke arah mesra kanak-kanak. (A. H. Ezazi, Interviewer)
- Yusuf, M. I. (11 Julai, 2019). Peranan Masjid Al-Hasanah ke arah mesra kanak-kanak. (H. A. Ezazi, Interviewer)